

Teks

Raja Ali Haji

Sarat pelbagai ilmu, tetapi
dianaktirikan orientalis

Oleh Nazmi Yaakub

nazmi@bharian.com.my

WACANA Fikir Atma: Raja Ali Haji Tentang Ilmu dan Pendidikan memperlihatkan kesinambungan idea terhadap keperluan memberikan klasifikasi baru dalam pengelompokan teks tradisional seperti disarankan pada Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Melayu Tradisional.

Pengelompokan yang dibuat orientalis sebelum ini, dilihat panel pada wacana di Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini, tidak lagi wajar diguna pakai kerana ia dilakukan tanpa mengira sama ada ia kitab agama, undang-undang atau sejarah, ekoran kejahilan mereka.

Pensyarah Akademi Pengajian Islam (API), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Tatiana Denisova, berkata historiografi kajian berkaitan Raja Ali Haji menunjukkan karya tokoh itu belum

“*Saya mencadangkan kita mengguna pakai pandangan Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas agar mengubah istilah kesusasteraan kepada persuratan kerana ia meliputi semua bidang dan tidak terbelenggu dengan pelabelan sarjana Barat”*



Prof Dr Awang Sariyan

*Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia,
Universiti Pengajian Bahasa Asing Beijing
(BFSU), China*

“*Apabila kita melihat kesan sumber sejarah seperti kitab karangan Raja Ali Haji, kita tidak melihatnya secara global. Apabila kita melihat makalah lama, kita sewajarnya menyesuaikan dengan kerangka pemikiran yang ada dan mentafsirkan mengikut perubahan zaman”*



Asmah Bee Md Noor

*Pensyarah Pusat Pengajian Psikologi &
Pembangunan Manusia UKM*

dikaji secara lengkap meskipun kegiatan dan sumbangannya dianggap sebagai khazanah kebangsaan negara ini.

"Kajian ilmuwan tempatan terhadap teks Raja Ali Haji lebih bertumpu dalam bidang agama, falsafah dan tatanegara, manakala pengkaji Barat meneliti aspek bahasa mahupun sastera. *Tuhfat al-Nafis* karya utama Raja Ali Haji dalam bidang sejarah dinilai RO Winstedt dan Virginia Matheson sebagai ensiklopedia kehidupan Melayu," katanya ketika merincikan *Konsep Ilmu dan Pendidikan dalam Karya Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis*.

Bagaimanapun, seperti kebanyakan teks sejarah Melayu yang lain, baginya naskhah terbabit lazimnya dianggap sebagai artifak sastera saja, manakala kajian yang dijalankan pula lebih bertumpu kepada sudut ilmu bahasa dan kesusasteraan.

"Lazimnya orientalis membincang dan menganalisis gaya bahasa dan genre serta menilai sifat sastera, tetapi tidak memerhatikan data lain dalam *Tuhfat al-Nafis*, iaitu maklumat berkaitan sejarah yang nyata iaitu kebudayaan, kegiatan ekonomi, undang-undang mahupun kehidupan intelektual.

"Ini kerana orientalis selalunya menganggap Islam sebagai faktor negatif dalam proses perkembangan alam Melayu sehingga mereka tidak mahu memerhatikan sumbangan agama terbabit dalam memaju-

kan perkembangan masyarakat dan bangsa Melayu," katanya pada wacana yang dipengerusikan Felo Penyelidik Utama Atma, Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud.

Dr Tatiana yakin bahawa kecenderungan itu kerana orientalis tidak mahu memerhatikan Islam mempunyai pengaruh besar dalam mengembangkan kebudayaan dan pemikiran di rantau ini termasuk ilmu, falsafah dan bahasa Melayu selain karya sejarah tempatan dianggap orientalis sebagai dongeng atau legenda, sekali gus dilihat sebagai sumber separa sejarah.

"Ini menyebabkan teks itu boleh diselidiki daripada pandangan filologi mahupun linguistik, tetapi tidak boleh diterima sebagai sumber sejarah yang sempurna dan boleh dipercayai," katanya.

Kesan daripada kurangnya penilaian terhadap khazanah persuratan Melayu Islam sebagai sumber sejarah yang kompleks, mengakibatkan ilmuwan Barat yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu seperti kebudayaan, bahasa, ekonomi, sejarah, etnologi dan undang-undang hanya menggunakan sumber luaran mahupun tulisan Barat dalam kajian mereka.

"Mereka tidak memperhatikan atau mungkin tidak tahu akan adanya bahan dan maklumat dalam sumber sejarah tempatan serta teks sejarah Melayu Islam sehingga menyebabkan

semua prasangka mahupun kesilapan berjalan terus dari pada satu tulisan kepada yang lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak keperluan untuk memeriksa maklumat dalam karya terbabit secara kritis dan terperinci untuk menyaksikan kebenaran kerana karya sejarah dalam bentuk babad biasanya ditulis pengarang atas titah Sultan, memuji Yang Dipertuan Besar Negara atau mempromosi kepentingan dan pandangan keluarga penaung mereka.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Hashim Musa, pula berkata Raja Ali Haji meletakkan tradisi pengajian bahasa Melayu berdasarkan maksud dan matlamat dalam pengajian bahasa mengikut tradisi pengajian Islam melalui kitab *Bustan al-Katibin dan Kitab Pengetahuan Bahasa*.

"Ini kerana dalam Islam pengajian bahasa khususnya Arab dikategorikan sebagai ilmu alat untuk mencapai makrifat, iaitu mengenal Allah dan kewujudan makhluk serta memperteguhkan keimanan mahupun ketakwaan, sekali gus menyemai adab kesopanan yang mulia.

"Oleh itu, istilah yang digunakan dalam penulisan mestilah tepat dan tidak boleh lari daripada makna sebenar kerana sekiranya ia terbabas akan mengubah pengertian daripada kepercayaan," katanya ketika melapah Raja Ali Haji *Tentang Ilmu dan Pendidikan*.

Beliau memberi contoh penggunaan nama Dewata Mulia Raya yang merujuk kepada Tuhan Rabbul Alamin, asalnya dipinjam daripada bahasa Sanskrit, tetapi orang Melayu mungkin menganggapnya tidak sesuai dan medan maknanya tidak seluas yang sepatutnya, lalu ia diabai serta digantikan.



**DR TATIANA dan
Dr Hashim Musa.**